

# Sistem kehadiran penjawat awam diperkemaskan

Langkah pastikan kakitangan segera hadir bertugas apabila diperlukan

Oleh Saadiah Ismail dan Ilaah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memperkemaskan sistem pemeriksaan kehadiran penjawat awam di pejabat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berterusan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul

Adib Abd Rahman, menegaskan masih terdapat kelompongan yang perlu diperbaiki dalam sistem berkenaan, namun yakin ia dapat diatasi segera.

Ketika PKP pertama pada Mac 2020 yang dilaksanakan pada musim cuti sekolah, beliau berkata, kebanyakan ibu bapa berada di kampung dan pihaknya perlu menguruskan kakitangan untuk pulang ke stesen kerja masing-masing.

"Berbeza dengan PKP kali ini yang bukan pada musim cuti sekolah, namun ada yang mengambil kesempatan pulang ke kampung. Jadi kita minta semua ketua jabatan membuat pemeriksaan rambang.

"Bagi memastikan penjawat awam berada di kediaman masing-masing dan boleh segera hadir bertugas apabila diminta ketua jabatan, beberapa kaedah seperti menunjukkan lokasi keberadaan dan membuat panggilan video turut digunakan," katanya.

Menerusi hantaran yang dipetik di laman sosial Majlis Keselamatan Negara (MKN), Mohd Khairul berkata, walaupun penjawat awam dibenarkan bekerja dari rumah, ketua jabatan pada bila-bila masa boleh mengarahkan mereka hadir bertugas di pejabat.

"Bekerja dari rumah ini perubahan baharu dalam persekitaran cara bekerja sektor awam yang mana petugas boleh bekerja dari rumah apabila mendapat arahan daripada kerajaan atau mendapat arahan serta kebenaran daripada ketua jabatan masing-masing," katanya.

Sementara itu, Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata pen-

jawat awam yang berada di luar kawasan seperti di kampung agar kembali ke stesen perkhidmatan masing-masing meskipun mereka dibenarkan bekerja dari rumah.

"Konsep bekerja dari rumah tidak membenarkan penjawat awam pulang ke kampung atau bercuti, sebaliknya terus berkhidmat seperti biasa, malah bersedia untuk dipanggil atau ditukar pada bila-bila masa.

"Ada segelintir penjawat awam pulang ke kampung dan tidak berada di rumah 'asal' mereka, malah memberi alasan boleh bekerja di mana-mana sahaja. Tanggapan itu salah dan tidak dipraktikkan untuk kaedah bekerja dari rumah.

"Jika berada di luar kawasan, bermakna penjawat awam itu 'curi tulang' kerana dalam tempoh darurat ini, mereka perlu sentiasa bersedia untuk dipanggil berkhidmat, sama ada di pejabat mereka atau ke bahagian atau kementerian lain," katanya.

Katanya, proses memperkemaskan sistem pemeriksaan kehadiran penjawat awam di pejabat kerajaan adalah proses biasa, namun dijalankan secara normal baharu dalam tempoh pandemik COVID-19.

"Sebanyak 30 peratus sahaja dibenarkan untuk berada di pejabat dalam tempoh ini, sebahagian besar lagi bekerja dari rumah, maksudnya perlu berada di rumah, bukan berada di lokasi lain atau ambil kesempatan buat aktiviti lain.

"Sekiranya berada di lokasi lain, ia bermakna penjawat awam itu berada di luar kawasan dan boleh menyukarkan sekiranya perkhidmatan diperlukan. Kita tidak mahu dengar mereka sukar



Bagi memastikan penjawat awam berada di kediaman masing-masing dan boleh segera hadir bertugas apabila diminta ketua jabatan, beberapa kaedah seperti menunjukkan lokasi keberadaan dan membuat panggilan video turut digunakan.

**Mohd Khairul Adib Abd Rahman,**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

bergerak sebab berada di kampung kerana ia bukan tujuan sebenar konsep bekerja dari rumah," katanya.

Beliau berkata, dalam tempoh penularan pandemik, penjawat awam perlu meletakkan komitmen tinggi terhadap pekerjaan mereka dan menjadi barisan hadapan dalam menaikkan semula ekonomi negara.

"Dalam tempoh ini penjawat awam boleh dimobilisasi ke kementerian atau jabatan lain atas tujuan kepentingan negara. Penjawat awam juga dinasihatkan agar tidak berkira dalam tempoh yang sukar ini, sebaliknya memudahkan cara tindakan untuk menaikkan ekonomi negara," katanya.

## Ibadat & Fadilat



Ibnu Abbas RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya melazimi Istighfar, Allah SWT akan menjadikan jalan keluar bagi setiap kesempitannya dan kelapangan daripada setiap kebimbangannya itu, kelapangan serta dikurniakan rezeki daripada sumber tidak disangka-sangka kepadanya."  
(HR Abu Daud)

\*Takaful Ikhlas Family Berhad (00301025413) (593075-U)  
Takaful Ikhlas General Berhad (201701019709) (1233870-AI)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:25	1:34	4:55	7:28	8:40
Alor Setar	6:25	1:34	4:55	7:28	8:40
P. Pinang	6:24	1:34	4:55	7:29	8:42
Ipoh	6:21	1:32	4:53	7:28	8:41
Kuala Lumpur	6:17	1:29	4:51	7:27	8:39
Shah Alam	6:17	1:29	4:51	7:27	8:39
Johor Bahru	6:06	1:20	4:42	7:21	8:33
Kuantan	6:10	1:23	4:45	7:22	8:30
Seremban	6:14	1:27	4:49	7:26	8:39
Bandar Melaka	6:13	1:27	4:48	7:26	8:38
Kota Bharu	6:17	1:27	4:48	7:21	8:29
K. Terengganu	6:13	1:23	4:44	7:18	8:31
Kota Kinabalu	5:22	12:32	3:53	6:28	7:40
Kuching	5:41	12:55	4:17	6:55	8:08

[www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad